

KONSEP BUDAYA POLITIK

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan konsep mengenai budaya politik. Untuk itu pengkaji akan membentangkan beberapa definasi dan pendapat yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana politik. Pengkaji juga akan menunjukkan jenis-jenis budaya politik yang perlu diketahui melalui model-model yang dicadangkan oleh sarjana tertentu. Di samping itu terdapat juga beberapa elemen dalam budaya politik yang akan dibentangkan.

2.2 Definasi dan Konsep Budaya Politik

Definasi dan konsep budaya politik adalah pelbagai; bergantung kepada tahap kajian masyarakat dan negara yang hendak dikaji. Walau bagaimanapun kepelbagaian tersebut tidaklah terlalu kompleks seperti konsep 'budaya' di dalam disiplin antropologi dan sosiologi itu sendiri dan tidak ada pula timbul masalah kekaburan dari segi definasi untuk memahaminya.

Archie Brown dan Jack Gray yang membuat kajian politik di negara komunis mendefiniskan budaya politik sebagai 'Persepsi terhadap sejarah dan politik, asas-asas kepercayaan dan nilai, identifikasi dan kesetiaan serta harapan dan pengetahuan politik yang merupakan hasil dari pengalaman sesebuah negara dan kelompok masyarakat'. Mereka

menambah lagi bahawa budaya politik tidak terpisah dengan budaya secara keseluruhan, sebaliknya budaya politik lebih menumpukan pada bahagian-bahagian budaya yang berkaitan dengan politik seperti nilai dan orientasi (7).

Bagi pengkaji, definasi Brown dan Gray adalah terlalu meluas dan tidak pula menumpukan pada aspek tingkahlaku politik. Walter Rosenbaum pula mengemukakan pendapat bahawa pendefinasian budaya politik boleh dilihat melalui dua tahap. Pada tahap individu, maka budaya politik adalah berasaskan kepada dasar psikologi. Tumpuan tahap ini adalah untuk melihat bagaimana individu tersebut diorientasikan terhadap elemen penting di dalam sistem politik. Iaitu apakah perasaan dan pemikirannya terhadap simbol, institusi dan undang-undang yang mengaturkan politik di dalam masyarakatnya dan apakah tidakbalas individu tersebut terhadap mereka.

Kedua, pada tahap masyarakat massa atau warganegara. Tahap ini merujuk kepada orientasi secara bersama oleh masyarakat tersebut terhadap elemen-elemen sistem politik. Orientasi secara bersama ini menunjukkan bahawa sesuatu masyarakat itu diintergrasikan dalam satu sistem politik dan

7. Brown, A & Gray, J, Political Culture and Political Change In Communist State. mukasurat 1.

mempunyai sesuatu budaya politik yang sama. Maka pada tahap ini, budaya politik masyarakat adalah merujuk pada orientasi politik terhadap sistem politik. Tahap ini melihat bagaimanakah masyarakat menilai institusi politik mereka sendiri (8).

Pengkaji berpendapat bahawa definisi Rosenbaum ini terlalu umum dan sukar dimengertikan maknanya. Sementara orientasi yang dikemukakan olehnya adalah terhad. Untuk lebih spesifik lagi, Lucian Pye menganggap bahawa budaya politik adalah terhad kepada sikap, kepercayaan dan sentimen yang memberi satu aturan dan pengertian kepada proses-proses politik dan seterusnya menyediakan satu undang-undang dan andaian yang boleh mengawal tingkahlaku (9).

Seterunya, Pye menerangkan lagi bahawa elemen-elemen penting budaya politik dalam sesuatu bangsa mengandungi skop atau wawasan politik, ukuran penilaian terhadap aksi politik dan nilai-nilai yang menonjol untuk aksi politik. Dennis Kavanagh juga mengemukakan pendapat yang sama tetapi lebih

8. Rosenbaum, W.A, Political Culture, Thomas Nelson & Sons Ltd. (1975) Mukasurat 4.

9. Pye, L.W, Aspect of Political Development, Boston: Little, Brown & Co. (1968). Mukasurat 104-105.

menyeluruh. Menurutnya budaya politik adalah sebagai petunjuk-petunjuk untuk menyatakan lingkungan perasaan dan sikap di mana sistem politik itu berlansung (10).

Definasi Pye dan Kavanagh menunjukkan aspek perasaan dan tingkahlaku adalah diberi keutamaan. Pengkaji merasakan terdapat sedikit kekurangan kekurangan dalam definasi tersebut kerana tidak mementingkan unsur pengetahuan mengenai politik. Bagi pengkaji, unsur pengetahuan juga penting sebelum seseorang individu atau masyarakat bertindak atau menjalankan sesuatu aksi politik.

Untuk tujuan latihan ilmiah ini, pengkaji menggunakan definasi dan model budaya politik yang dikemukakan oleh Almond dan Verba. Pengkaji mendapati definasi dan model tersebut lebih sesuai dengan suasana masyarakat dan demokrasi di Malaysia. Menurut Almond dan Verba, budaya politik secara umum merujuk kepada orientasi politik; sikap terhadap sistem politik dan bahagian-bahagiannya dan juga sikap terhadap peranan diri sendiri dalam sistem tersebut (11).

Dari definasi tersebut, Almond dan Verba menggunakan objek-objek sosial yang merupakan istilah dari disiplin psikologi sosial sebagai sebahagian dari ciri-ciri kebudayaan. Maka dengan itu, Almond dan Verba menambah lagi

10. Kavanagh, D, op. cit., Mukasurat 10.

11. Almond, G dan Verba, A, The Civic Culture : Political Attitudes and Democracy In Five Nation, Little, Brown & Co. (1963). Mukasurat 12.

bahawa budaya politik sesuatu masyarakat, 'secara khususnya adalah berkenaan dengan sistem politik yang diserapkan terhadap kesedaran, pengetahuan, perasaan dan nilai masyarakat tersebut. Masyarakat tersebut adalah terdiri dari mereka yang disosialisasikan terhadap peranan bukan politik dan sistem sosial'(12).

2.3 Konsep Orientasi dan Objek Politik

Sebagaimana yang dikatakan tadi, secara ringkasnya bahawa budaya politik adalah merupakan taburan pola-pola orientasi terhadap objek-objek politik. Menurut Almond dan Verba, sebelum penganalisaan dibuat terhadap taburan tersebut, maka pemahaman terhadap orientasi individu adalah perlu dikaji. Orientasi bermakna keadaan pemahaman terhadap objek-objek politik dan hubungannya. Orientasi tersebut terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :

1. Orientasi pengetahuan (cognitive), pengetahuan dan kesedaran tentang sistem politik, peranan-peranannya, individu-individu yang melaksanakan sistem tersebut, 'input' dan 'output'.
2. Orientasi perasaan (affective), pengaruh dan perasaan terhadap sistem politik, peranannya, peribadi yang bertindak dan penampilannya di dalam sistem politik tersebut.

12. Almond, G dan Verba, A, op. cit., Mukasurat 13.

3. Orientasi penilaian (evaluative), pandangan dan pendapat mengenai objek-objek politik berdasarkan kepada kombinasi ukuran terhadap nilai, maklumat dan perasaan.

Objek politik pula bermaksud bahagian-bahagian yang terdapat dalam politik. Menurut Almond dan Verba lagi, dalam membicarakan mengenai objek-objek politik, perbincangan perlu dibuat kepada tiga bahagian, iaitu :

1. Peranan atau struktur khusus seperti Perundangan, eksekutif atau birokarasi.
2. Peranan individu yang berkuasa, bertanggungjawab dan menjalankan objek atau sistem politik tersebut seperti Raja, menteri-menteri, ahli-ahli parlimen dan para pentadbir.
3. Polisi-polisi atau dasar-dasar awam yang tertentu, keputusan kerajaan dan perlaksanaannya (13).

Ketiga-tiga bahagian objek politik tersebut pula akan ditentukan samada ianya termasuk dalam proses 'input' ataupun proses 'output'. Proses 'input' merujuk kepada arus tuntutan dari bawah ke atas (upward) atau permintaan dari masyarakat kepada pemerintah dan penukaran permintaan tersebut kepada polisi-polisi tertentu. Beberapa struktur yang

13. Almond, G dan Verba, S, ibid, mukasurat 14.

terlibat dalam proses ini ialah seperti parti politik, kumpulan pendesak dan media komunikasi.

Proses 'output' pula adalah merujuk kepada penguatkuasaan dan pelaksanaan polisi atau aliran dari atas ke bawah (downward) . Struktur yang berperanan aktif dalam proses ini pula ialah seperti birokrasi atau kerajaan (14).

2.3.1 Dimensi Orientasi Politik

Daripada pembahagian yang dinyatakan tadi, kini timbul persoalan mengenai objek-objek politik yang diorientasikan, bagaimana objek tersebut diorientasikan kepada mereka dan apakah objek-objek yang terlibat semasa proses aliran ke bawah atau pelaksanaan polisi dan proses aliran ke atas iaitu cara-cara membuat polisi. Untuk itu, jadual berikut menunjukkan orientasi politik seseorang individu :

Jadual 2.1 : Dimensi Orientasi Politik

Orientasi	Sistem sebagai objek am	Objek input	Objek output	Diri sebagai peserta
-----------	-------------------------	-------------	--------------	----------------------

Pengetahuan

Perasaan

Penilaian

Sumber : Almond dan Verba, ibid, mukasurat

14. Almond, G dan Verba, S, ibid, mukasurat 15.

Jadual 2.1 dapat menerangkan mengenai orientasi politik seseorang individu secara sistematik jika penganalisaan dibuat terhadap perkara-perkara berikut :

1. Apakah pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang mengenai negaranya dan sistem politik secara am ? Apakah perasaannya terhadap sistem tersebut dan bagaimana pula pendapatnya tentang kelebihan atau kekurangan sistem tersebut ?
2. Bagaimana pemahaman seseorang terhadap struktur dan peranan pemimpin politik yang ada dan idea-idea mereka untuk dijadikan polisi ? Apakah perasaan dan penilaian seseorang itu terhadap struktur dan pemimpin tersebut ?
3. Bagaimana pemahaman seseorang terhadap proses penguatkuasaan polisi dan individu yang terlibat dalam melaksanakan polisi tersebut ? Apakah perasaan dan penilaiannya terhadap hal-hal tersebut ?
4. Apakah pengetahuan dan perasaan seseorang mengenai dirinya dalam sistem politik tersebut seperti hak-haknya, kewajipan, strategi dan kuasa untuk mempengaruhi pihak yang berkuasa ? (15)

15. Almond, G dan Verba, S, ibid, mukasurat

2.4 Jenis-Jenis Budaya Politik

Jenis-jenis budaya politik sesuatu masyarakat dapat diketahui melalui penganalisaan orientasi pengetahuan, perasaan dan penilaian terhadap sistem politik secara am, objek 'input', objek 'output' dan diri sebagai peserta seperti yang ditunjukkan pada jadual 2.1 tadi. Jenis-jenis budaya politik seperti yang disarankan oleh Almond dan Verba diringkaskan dalam jadual 2.2 berikut.

Jadual 2.2 : Jenis-Jenis Budaya Politik

Jenis Budaya Politik	Sistem sebagai objek	Objek Input	Objek Output	Diri sebagai peserta
Sempit	0	0	0	0
Tertakluk	1	0	1	0
Peserta	1	1	1	1

Sumber : Almond dan Verba, *ibid.*, mukasurat

Dari jadual 2.2 di atas dapat diketahui bahawa budaya politik sempit wujud dalam sesebuah masyarakat itu apabila masyarakat tersebut tidak mempunyai ketiga-tiga orientasi terhadap sistem politik, objek 'input', objek 'output' dan diri sebagai peserta. Menurut Almond dan Verba, masyarakat berbudaya politik sempit biasanya terdapat dikalangan suku-suku kaum yang primitif. Masyarakat ini biasanya mengaitkan peranan politik dengan ciri-ciri keagamaan dan mereka juga tidak mengambil peduli terhadap

perubahan-perubahan serta tidak mengharapkan sesuatu dari sistem politik.

Budaya politik tertakluk adalah merupakan budaya politik yang hanya mempunyai orientasi yang tinggi terhadap sistem politik dan proses-proses 'output' sahaja. Tetapi orientasi terhadap proses-proses 'input' dan diri sebagai peserta mendekati angka kosong (jadual 2.2). Masyarakat tertakluk menyedari akan kekuasaan pemerintah atau kerajaan dan mereka juga mungkin bangga atau setia dengan sistem politik negaranya. Tetapi hubungan mereka dengan proses 'input' dan cara melihat diri sebagai peserta adalah merupakan perhubungan yang bersifat pasif.

Jenis budaya politik yang ketiga ialah budaya politik peserta. Budaya politik jenis ini mempunyai anggota masyarakat yang cenderung diorientasikan secara nyata terhadap sistem, struktur, proses politik, 'input' dan 'output'. Masyarakat peserta juga mempunyai kecenderungan untuk memainkan peranan sebagai aktivis dalam masyarakat untuk memperjuangkan sesuatu.

Ketiga-tiga jenis budaya politik tersebut adalah bersifat terlalu mutlak. Almond dan Verba menegaskan bahawa budaya politik yang muncul secara mutlak tidak wujud. Bagi mereka budaya politik yang wujud hanyalah pencampuran dari ketiga-tiga jenis budaya politik tadi. Oleh itu mereka mengklasifikasikan kepada tiga jenis budaya politik :

1. Budaya politik sempit -tertakluk : di mana masyarakatnya mempunyai ciri-ciri menolak cara kehidupan politik dan tuntutan masyarakat desa atau primitif. Sebaliknya mereka lebih setia kepada struktur pemerintahan pusat.
2. Budaya politik tertakluk-peserta : sebahagian masyarakat dalam budaya ini menguasai objek 'input' dan boleh memainkan peranan sebagai aktivis. Sementara baki masyarakat yang lain terus mempunyai orientasi yang tinggi terhadap objek 'output' dan mempunyai keperibadian yang pasif untuk bergiat dalam politik secara khusus. Masyarakat sedemikian lebih cenderung setia kepada pihak yang berkuasa.
3. Budaya politik sempit-peserta : budaya politik jenis ini biasanya terdapat di kalangan masyarakat negara sedang membangun. Masyarakatnya mempunyai sifat peserta yang aktif tetapi agak kurang orientasi terhadap 'input' dan 'output'. Dalam erti kata yang lain tindakan politik mereka seperti membuat tuntutan tidak mengikut prosedur yang tertentu. Birokrasi pemerintah dalam masyarakat itu pula biasanya tidak kukuh (16).

16. Almond, G dan Verba, S, ibid, mukasurat

2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, pembicaraan mengenai budaya politik bukan sahaja menumpukan perhatian terhadap pemahaman makna budaya politik itu sahaja. Budaya politik memang wujud dalam kehidupan seharian seseorang. Jadi bagi pengkaji adalah perlu juga diketahui tentang elemen-elemen yang terdapat dalam budaya politik itu. Dalam bab ini pengkaji telah membentangkan konsep budaya politik termasuk juga dengan elemen-elemennya. Kesemua perbincangan mengenai elemen tersebut adalah berdasarkan kepada penulisan Almond dan Verba. Kedua-dua pengkaji tersebut adalah merupakan tokoh yang memperkenalkan pendekatan budaya politik sebagai salah satu alat untuk mengkaji politik masyarakat dan negara. Jadi, hasil dari penerangan tersebut pengkaji mengharapkan kajian ini dapat menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang pengertian budaya politik.